



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 Jld 3 ( ) 09/01

**MESYUARAT MEJA BULAT PERINGKAT TERTINGGI**  
**KERTAS PUTIH PERTAHANAN**

Mesyuarat Meja Bulat Peringkat Tertinggi mengenai Kertas Putih Pertahanan telah diadakan pada 29 Januari 2019 di Wisma Perwira, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh **YB Haji Mohamad bin Sabu**, Menteri Pertahanan, dan turut dihadiri oleh 75 peserta termasuk **YB Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin**, Menteri Dalam Negeri; **YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali**, Menteri Hal Ehwal Ekonomi; **YB Tuan Gobind Singh Deo**, Menteri Komunikasi dan Multimedia; **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar**, Ketua Setiausaha Negara; **YB Senator Liew Chin Tong**, Timbalan Menteri Pertahanan; **YBhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf**, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; **YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin**, Panglima Angkatan Tentera; **YDH. IG Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi bin Harun**, Ketua Polis Negara; **YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah**, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; **YBhg. Dato' Seri Alwi bin Haji Ibrahim**, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; **YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor**, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia; dan **YM Tuan Haji Engku Hamzah bin Tuan Mat**, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, turut hadir Mantan Ketua-Ketua Setiausaha, Mantan Panglima-Panglima Angkatan Tentera dan Mantan Panglima-Panglima Perkhidmatan serta tokoh-tokoh akademik yang berpengaruh.

Kementerian Pertahanan sedang dalam proses untuk membangunkan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang pertama. Tujuan utama dokumen ini dibangunkan adalah untuk memaklumkan kepada rakyat tentang keutamaan pada masa kini dan rancangan Kementerian Pertahanan di masa hadapan dalam memperkukuhkan benteng pertahanan dan keselamatan negara.

KPP berfungsi sebagai satu aktiviti artikulasi yang mempunyai dua fungsi, pertama daripada perspektif sebagai satu kerajaan dan kedua daripada perspektif sebuah negara. Kerajaan yang mengamalkan pengeluaran Kertas Putih dilihat sebagai kerajaan yang mengamalkan tadbir urus yang baik. Ini adalah kerana ciri kertas putih itu sendiri yang mengamalkan prinsip ketelusan, keterbukaan dan inklusif. Ia juga mencerminkan profesionalisme dan *accountable*.

KPP dihasratkan untuk menjadi satu dokumen pernyataan niat dan kemampuan yang menggariskan arah tuju pertahanan dan keselamatan negara di masa hadapan. Selain itu, KPP juga mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan Dasar Pertahanan Negara.

KPP merupakan dokumen pertahanan pertama di negara ini yang memperkenalkan konsep keterbukaan dalam sebuah negara. Kementerian melihat inisiatif ini sebagai satu usaha yang komprehensif melibatkan kerajaan dan masyarakat secara menyeluruh dalam mempertahankan keselamatan negara.

Bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh, pembentangan dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Keselamatan Negara telah dibuat semasa mesyuarat berkenaan.

Di akhir mesyuarat, satu kenyataan bersama yang dipersetujui oleh semua ahli telah dikeluarkan seperti dilampirkan.

-Tamat-

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**29 Januari 2019**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**